

1.	Nasionalisme di Barat berkembang hasil daripada penentangan terhadap pemerintahan beraja yang menjadi simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat. Contoh nasionalisme antiraja ialah Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis manakala idea nasionalisme dikaitkan dengan perjuangan iaitu Revolusi Amerika.	
	(a)	Nyatakan dua faktor mencetuskan Revolusi Keagungan (1688) di England.
		(i).....
		(ii).....
		[2 markah]
	(b)	Jelaskan tindakan yang diambil pemimpin Amerika untuk menentang penjajahan British
		(i).....
		(ii)..... .
		(iii)..... .
		(iv).....
		[4 markah]
	(c)	Hubungan harmonis antara pemerintah dengan rakyat memberikan manfaat kepada negara. Beri ulasan anda
		
		
		
		
		[4 markah]

--	--	--

2.	Pilihan raya diadakan untuk membolehkan rakyat memilih wakil dalam membentuk kerajaan.	
	(a)	Nyatakan dua peringkat pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu.
		(i).....
		(ii).....
		[2 markah]
	(b)	Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
		
		
		
		
		[4 markah]
	(c)	Pilihan Raya merupakan bukti demokrasi dilaksanakan di negara kita. Jelaskan.
		
		
		
		
		[4 markah]

3.	Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.	
	(a)	Namakan dua undang-undang bertulis yang terdapat di negara kita.
		(i).....
		(ii).....
		[2 markah]
	(b)	Jelaskan ciri moden yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan.
		
		
		
		
		[4 markah]
	(c)	Rata-rata kita menyangka Perlembagaan Persekutuan dirangka oleh Suruhanjaya Reid. Padahal, jika diteliti dari perspektif sejarah, ia terhasil daripada keringat dan idea Raja-raja Melayu, pemimpin dan persatuan yang terdiri daripada pelbagai kaum. Malah, permuafakatan politik atau dikenali juga kontrak sosial antara pemimpin pelbagai kaum inilah yang menjadi resipi perpaduan dan integrasi rakyat berbilang kaum hingga hari ini. Di sinilah letaknya nilai kerjasama dan tolak ansur yang seharusnya dicontohi generasi akan datang. Kebijaksanaan pemimpin terdahulu begitu terserlah apabila wujud <i>quid pro quo</i> atau tawar-menawar berkaitan empat perkara teras, iaitu hak kerakyatan kaum bukan Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu. Sumber: https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/01/369328/perlembagaan-wujud-harmoni-antara-kaum
		Berikan ulasan anda berdasarkan petikan di atas.

		
		
		
		 [4 markah]
4.	(a)	Nyatakan dua peranan Raja Melayu dan pemimpin masyarakat mengatasi masalah peristiwa 13 mei 1969?
		(i).....
		(ii).....
		[2 markah]
	(b)	Terangkan tanggungjawab Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dalam mengembalikan keamanan dinegara kita.
		
		
		
		
		[4 markah]
	(c)	Apakah kesan kepada negara jika keamanan tidak dijaga?
		
		
		
		 [4 markah]

5	Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour iaitu pangkalan tentera laut Amerika Syarikat di Pasifik.	
	(a)	Jelaskan faktor kedatangan Jepun ke negara kita. [4 markah]
	(b)	Huraikan dasar pentadbiran yang diperkenalkan oleh Jepun semasa memerintah Tanah Melayu. [8 markah]
	(c)	Pada pendapat anda, apakah iktibar yang diperolehi daripada perjuangan pemimpin tempatan dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara. [8 markah]
6	(a)	Apakah faktor yang menyebabkan British menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? [4 markah]
	(b)	Terangkan kesan penubuhan persekutuan Tanah Melayu 1948. [8 markah]
	(c)	Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu berjaya memberikan manfaat kepada semua. Berikan hujah anda. [8 markah]
7	Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.	
	(a)	Nyatakan bidang kuasa berikut:
	(i)	Kerajaan Persekutuan

		[4 markah]
	(ii) Kerajaan Negeri	[4 markah]
	(iii) Kerajaan Tempatan	[4 markah]
(b)	Maklumat berikut berkaitan pemuliharaan khazanah negara kita. 2 FEBRUARI 2022 – Tema sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia pada tahun 2022 adalah Wetlands Action for People and Nature. Pada 2 Februari setiap tahun, Hari Tanah Lembap Sedunia (World Wetlands Day) telah disambut untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memulihara kawasan tanah lembap. Ia sebagai memperingati tarikh penubuhan Konvensyen Ramsar di mana Malaysia telah menyertainya pada 10 Mac 1995. Tema ini mengetengahkan kepentingan pelaksanaan tindakan-tindakan bagi meningkatkan usaha pemuliharaan dan penggunaan tanah lembap secara mampan agar kemandirian ekosistem tanah lembap dapat dikekalkan untuk generasi akan datang. Tanah lembap meliputi kawasan-kawasan tanah gambut, paya bakau, sungai, tasik dan pesisiran pantai yang menjadi habitat kepada kepelbagaian spesis flora dan fauna terutamanya burung yang bermigrasi. Menurut kenyataan media oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara yang meliputi aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya bakau serta peningkatan kesedaran masyarakat akan diteruskan perlaksanaannya. Takiyuddin berharap dapat sokongan dan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat awam untuk bersama-sama memainkan peranan dalam melindungi ekosistem tanah lembap di negara kita. Sumber : HYPERLINK "https://my.lifenewsagency.com/2022/02/03" https://my.lifenewsagency.com Jelaskan maklumat yang anda peroleh daripada sumber di atas dan nyatakan manfaat kerjasama yang terkandung dalam perenggan keempat petikan di atas kepada negara ?	
		[8 markah]

8	(a)	Jelaskan latar belakang pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). [4 markah]
	(b)	Dasar Pembangunan Nasional (DPN) meneruskan strategi asas DEB iaitu menyusun semula masyarakat dengan membentuk masyarakat perdagangan dan Perindustrian Bumiputera . Jelaskan langkah-langkah dalam DPN untuk mencapai hasrat tersebut [8 markah]
	(c)	Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah mencapai banyak kejayaan dalam ekonomi.  Gambar berikut menunjukkan kemajuan Malaysia dalam bidang pengangkutan. Buktikan pernyataan tersebut. [8 markah]

9	Maklumat berikut berkaitan dengan dasar negara kita. Malaysia akan terus melaksanakan dasar luar yang bebas, berprinsip dan pragmatik serta berasaskan nilai-nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan. Teras utama dasar luar Malaysia adalah untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta untuk menyumbang secara bermakna kearah masyarakat dunia yang adil dan saksama melalui perhubungan diplomasi yang efektif. http://www.pmo.gov.my
(a)	Jelaskan faktor yang mempengaruhi dasar luar Malaysia? [4 markah]
(b)	Malaysia sentiasa memberikan komitmen penuh untuk menjayakan segala rancangan yang diatur dan dilaksanakan oleh Komanwel. Jelaskan manfaat yang diperoleh Malaysia melalui penyertaan dalam Komanwel. [8 markah]
(c)	Gambar menunjukkan kontinjen Malaysia melangkah megah semasa majlis perasmian Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast, Australia. Sebagai generasi muda, gambarkan perasaan anda semasa menyaksikan peristiwa tersebut.

		[8 <i>markah</i>]
--	--	--------------------